

# PM: Pastikan ASEAN dapat faedati globalisasi

UM 12 APR 2000

**K**UALA LUMPUR 11 April — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ASEAN perlu memastikan rantau ini mendapat faedah, peluang membuat pilihan sendiri dan tanggungjawab korporat sebelum bersetuju membuka pintu kepada globalisasi.

Menurut Dr. Mahathir, globalisasi menjadi sesuatu yang baik untuk ASEAN jika gagasan itu mempunyai suara dalam membuat tafsiran serta kawalan dalam pergerakan kewangan dan modal lain merentasi semua sempadan.

"Globalisasi menawarkan banyak kebaikan dan peluang. Kita tidak mementingkan diri sendiri. Kita tidak kisah jika pihak lain turut mendapat peluang.

"Tetapi kita mesti memastikan peluang dan faedah yang sama diperoleh sepertimana yang ditawarkan kepada pihak lain," katanya dalam ucapan perasmian Sidang Kemuncak Perniagaan ASEAN 2000 di sini hari ini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri mengakui ada di kalangan negara ASEAN mempunyai pandangan yang berbeza terhadap sesuatu perkara.

"Kita boleh tidak bersetuju sesama kita tetapi jika jurang perbezaan itu terlalu besar akan memecahkan pendekatan ASEAN menghadapi globalisasi," katanya.

Disebabkan itu, beliau menegaskan pentingnya ketiga-tiga elemen tadi iaitu faedah globalisasi kepada ASEAN, jaminan kebebasan menyuarakan pendirian dan tanggungjawab korporat dipastikan terlebih dahulu.

"Peluang menyuarakan pilihan sendiri merupakan bentuk kebebasan dan kemerdekaan. Kita tidak berjuang membebaskan diri daripada imperialisme dulu untuk kembali tunduk kepada imperialisme baru," tegasnya.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri menjelaskan penekanan tentang tanggungjawab korporat pula berkait rapat dengan harapan agar semua golongan daripada ahli politik, pemimpin kesatuan sehingga kanak-kanak mengamalkan etika dan moral.

Dr. Mahathir berkata, beliau sama sekali tidak boleh menerima sikap tidak prihatin biarpun ia diguna pakai atas dasar globalisasi.

"Sebagai manusia biasa, saya percaya tidak ada sesiapa boleh menerima doktrin bahawa perniagaan menghalalkan apa sahaja, kerajaan perlu membenarkannya biarpun mengancam kehidupan orang lain.

"(Doktrin sedemikian) sangat buruk," katanya.

Perdana Menteri percaya adalah mustahak bagi negara-negara ASEAN berfikir secara bebas dan bertindak mengikut kata hati yang rasional berlandaskan rasa bebas dan merdeka tanpa mengetepi-

kan tuntutan etika, moral dan tanggungjawab.

Dalam alaf baru ini, katanya, sangat jelas bahawa ASEAN dan negara membangun tidak perlu terlalu mengikut keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Barat.

Misalnya, kata Dr. Mahathir, penggabungan besar-besaran mungkin baik bagi pihak lain tetapi persoalannya adakah ia juga baik untuk ASEAN.

"Konglomerat terbesar di ASEAN umpama seekor

semut jika dibandingkan dengan syarikat gergasi Barat," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan ASEAN tidak boleh tergesa-gesa memasuki liberalisasi pasaran nasional semata-mata kerana pakar-pakar dari Washington mencadangkannya.

Beliau menekankan ASEAN tidak patut menerima liberalisasi selagi tidak ada peraturan yang melindunginya.

Katanya, seperti negara

lain, Malaysia tidak mampu bergerak pantas menuju liberalisasi tanpa mengambil kira keperluan memastikan rangka kerja yang sesuai, telus dan teratur selain isu ketertiban dan kesediaan diberi perhatian.

Bagi Malaysia, kata beliau, kerajaan akan terus komited terhadap liberalisasi pasaran nasional dengan berpandukan rasional, kebebasan dan etika, moral serta tanggungjawab.